

19 JUN 2003

Mahathir-Rejim

PENUKARAN KERAJAAN SECARA PAKSA BOLEH BERLAKU DI M'SIA - PM

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Sambil menggesa rakyat supaya berwaspada terhadap perkembangan luaran yang boleh mengancam negara, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak terkecuali daripada menjadi sasaran kuasa asing yang berazam untuk menukar kerajaan demokratik di negara ini sama seperti yang dialami oleh beberapa buah negara lain.

Perdana Menteri menegaskan bahawa kuasa-kuasa asing pernah cuba berbuat demikian tetapi kecundang kerana pucuk pimpinan negara berjaya mengelak daripada terperangkap ke dalam jerat yang mereka pasang.

"Jangan ingat kita tidak akan jadi sasaran. Mereka amat kecewa apabila calon mereka dahulu gagal. Mereka akan cuba lagi," katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung Umno Ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Presiden Umno berkata orang Eropah yang tidak senang hati dengan kejayaan negara ini mengamalkan demokrasi, ingin melihat penukaran kerajaan yang kerap supaya huru-hara berlaku dan pembangunan tidak dapat dijalankan.

Menurutnya, mereka kini berpegang kepada slogan 'regime change' tetapi, oleh kerana ini tidak berlaku di Malaysia yang terus aman dan maju, negara dituduh tidak demokratik dan diperintah secara kuku besi oleh diktator.

Bagaimanapun, Dr Mahathir dengan lantang menyoal siapakah bangsa Eropah ini, yang ditafsirkannya sebagai bangsa negara-negara Eropah termasuk yang berhijrah dan mendirikan negara baru di benua Amerika, Australia dan New Zealand, yang berani menuduh negara ini diperintah secara autoritarian.

"Bukankah mereka bekas penjajah yang autoritarian dan zalim dan bukankah mereka ini baru sahaja melanggar sebuah negara lemah dengan membunuh ramai orang awam supaya dapat menguasai negara berkenaan?"

"Demokratikkah cara mereka memaksa 'regime change'? Lihat dahulu dalam cermin sebelum mengata orang lain," katanya dengan nada tegas.

Amerika Syarikat dan sekutunya baru-baru ini menyerang Iraq dan menumbangkan pemerintahan Presiden Saddam Hussein yang tidak disenangi Washington, kononnya untuk memperkenalkan sistem demokrasi di negara Asia Barat itu.

Berikutan pencerobohan itu, ada ura-ura untuk menukar pemerintahan di Iran dan Syria yang turut tidak disukai barat.

Dr Mahathir yang dijadualkan bersara daripada semua jawatan kerajaan dan politik Oktober ini, berkata masalah bangsa Eropah yang kini bercakap tentang pentingnya 'regime change' diadakan di negara-negara tertentu ialah mereka menganugerahkan kepada diri mereka sendiri hak menjadi hakim terhadap pandangan mereka sendiri.

Teguran oleh Eropah kononnya negara ini tidak demokratik mungkin mempunyai muslihat tertentu bagi mewajarkan campurtangan mereka dalam urusan negara, katanya.

Beliau berkata akan ada rakyat negara ini yang menentang kuat kerajaan kerana terpengaruh dengan hasutan seperti itu, mengakibatkan negara menjadi tidak stabil, tidak dapat dibangun dan rakyat menderita.

Bangsa asing, katanya, akan mengecam dengan keras tuduhan itu dengan alasan mereka hanya menegur dan tidak mempunyai niat jahat atau konspirasi untuk menghalang kemajuan sesiapa.

"Tetapi kita jangan lupa kritik mereka, walaupun tidak berasas, telah dijadikan alasan bagi mereka menekan dan menakluk negara lain," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata Perdana Menteri Israel Ariel Sharon ialah orang

yang pertama bercakap tentang `regime change' kerana mahukan Presiden Palestin Yasser Arafat diganti dengan pemimpin yang boleh diterima oleh rejim Yahudi.

Dalam pada itu, beliau berkata mungkin niat bangsa Eropah memaksa penerimaan demokrasi adalah baik dan mereka tidak merancang untuk merosakkan negara-negara membangun dengan sengaja.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata mereka lupa masa panjang yang diambil oleh mereka sendiri untuk memahami cara mendapat hasil daripada sistem itu.

Beliau turut menjelaskan dengan panjang lebar mengapa bangsa-bangsa Eropah perlu dikenali dengan baik kerana, menurutnya, kehidupan rakyat Malaysia akan ditentukan oleh cara mereka berinteraksi dengan bangsa dan keturunan berkenaan.

Beliau memberi amaran dunia yang bakal dihadapi di dekad dan abad seterusnya akan menyaksikan pelbagai percubaan oleh bangsa Eropah untuk menakluk negara ini secara langsung atau tidak langsung.

"Jika tidak negara kita yang dicerobohi, pemikiran kita, budaya kita, agama kita dan lain-lain akan dijadikan alasan," katanya.

Dr Mahathir berkata berdasarkan sejarah, berperang dan kehandalan membunuh menjadi sesuatu yang mulia bagi bangsa Eropah dengan jaguh perang diberi gelaran "knights".

"Sejarah Eropah ialah sejarah berperang, sejarah menguji kekuatan. Apabila mereka bertemu dengan penduduk di luar Eropah, di Afrika, Amerika dan Asia, mereka terus berperang untuk menawan wilayah-wilayah orang ini dan mendirikan negara-negara baru dan empayar mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata hari ini, berbilion dolar dibelanjakan bagi mencipta senjata lebih canggih dan membuat segala persediaan untuk berperang walaupun tidak ada musuh semasa atau di masa depan yang mengancam mereka.

"Dan mereka telah membuktikan bahawa mereka sanggup mencipta sebab palsu untuk berperang dan membunuh kanak-kanak, orang tua, orang sakit dan siapa sahaja, dan menganggap ini sebagai `collateral' yang tidak dibenar menghalang pencapaian hasrat mereka," katanya.

Menurutnya lagi, bangsa Eropah amat benci kepada orang Yahudi sejak sebelum mereka beragama Kristian lagi dan selepas menjadi Kristian, mereka menyalahkan Yahudi kerana membocorkan kegiatan Nabi Isa kepada pemerintah Rom yang menyebabkan Nabi Isa mati disalib.

Dr Mahathir berkata untuk mengeluarkan orang Yahudi dari Eropah selepas Perang Dunia Kedua, bangsa Eropah merampas wilayah Palestin untuk dijadikan negara Israel menyebabkan Asia Barat sejak itu tidak pernah aman.

Cubaan orang Palestin untuk mendapatkan balik wilayah mereka ditentang oleh orang Eropah yang sebaliknya menyokong Israel walaupun Israel merampas tanah Palestin di luar Israel dan membunuh rakyat Palestin, katanya.

Serangan 11 Sept 2001 terhadap Amerika Syarikat yang menyokong Israel, kata Perdana Menteri, dijadikan alasan oleh orang Anglo-Saxon Eropah untuk kembali bersifat ganas dan bengis.

Dr Mahathir berkata strategi mereka melawan keganasan ialah dengan melancarkan serangan terhadap negara-negara Islam dan orang Islam sama ada yang bersalah atau tidak bersalah.

"Amerika dan Britain tidak menghiraukan langsung kecaman dunia terhadap tindakan mereka. Tentangan oleh bangsa mereka sendiripun tidak dipedulikan.

"Mereka ingin menunjukkan kepada dunia bahawa mereka kuat dan sesiapa yang mencabar mereka akan diserang oleh tentera mereka habis-habisan," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun beliau mengkritik bangsa Eropah, beliau bukanlah anti bangsa berkenaan dan sebaliknya berasa serba salah hendak menegur mereka kerana kenalannya berbangsa Eropah yang banyak tentu akan tersinggung.

Katanya: "Negara Eropah yang berbaik dengan kita juga akan tersinggung. Sudah tentu media mereka akan mengecam saya sebagai seorang `racist`."

"Tetapi saya anggap pendedahan akan siapa dianya orang Eropah sudah menjadi begitu penting sehingga risiko menjadi mangsa perlu diambil."

Dr Mahathir memberikan peringatan bahawa kegagalan Malaysia mengenali bangsa Eropah akan menyukarkan persediaan dan strategi kerajaan untuk menyelamatkan negara.

Mereka mempunyai pandangan berbeza berhubung pelbagai isu termasuk sosial, agama, budaya dan perdagangan, katanya.

Beliau memberikan contoh bagaimana bangsa Eropah kini menolak institusi perkahwinan dan kekeluargaan, dan sebaliknya menerima amalan seks bebas termasuk liwat serta perkahwinan sejenis.

"Larangan menukar agama di kalangan orang Islam, sistem perundangan yang berbeza dengan mereka, semuanya akan dipersoalkan. Media mereka akan diguna untuk memburukkan semua yang kita amalkan," katanya.

Dr Mahathir berkata budaya dan nilai hidup yang akan dipaksa diterima ialah `hedonisme` iaitu keseronokan tidak terhad dan kebebasan mengikut nafsu, khususnya nafsu seks.

"Cara hidup kita akan dipersamakan dengan cara hidup mereka. `Asian values` tidak akan wujud bagi mereka," katanya.

Beliau juga berkata konsep globalisasi diperkenalkan oleh barat untuk memudahkan mereka menguasai ekonomi dunia tetapi kemunculan China sebagai kuasa ekonomi dan ketenteraan, kurang disenangi oleh mereka.

"Dengan ini, iklim antarabangsa menjadi amat mencabar bagi semua pihak termasuk Malaysia. Dalam keadaan ini, bangsa-bangsa Eropah telah mula menunjukkan sifat-sifat lama yang ada pada mereka," katanya.

-- BERNAMA

MAM JH RON